



## Penilaian Semula Konsep Rogol Statutori di Malaysia: Analisis Perbandingan Syariah–Sivil terhadap Kerelaan, Paksaan dan Tanggungjawab Jenayah Remaja

*Reassessing Statutory Rape in Malaysia: A Shariah–Civil Comparative Analysis of Consent, Coercion, and Juvenile Criminal Responsibility*

<sup>1</sup>Muhammad Nor Izzuddin Norizan, <sup>1</sup>Muhammad Irfan Asyraf Ahmad, <sup>1</sup>Muhammad Danish Irfan Mohd Azam, <sup>1</sup>Muhammad Anas Mohd Shaiful Nizam & <sup>1</sup>\*Mohd Harifadilah Rosidi

<sup>1</sup>Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [harifadilahrosidi@usim.edu.my](mailto:harifadilahrosidi@usim.edu.my)

### Article history:

Submission date: 12 December 2024  
Received in revised form: 11 March 2025  
Acceptance date: 23 April 2025  
Available online: 31 August 2025

### Keywords:

Rape, Adultery, Maqasid Syariah, Justice, Islamic Law, Penal Code

### Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

### Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

### Cite as:

Norizan, M. N. I., Ahmad, M. I. A., Mohd Azam, M. D. I., Mohd Shaiful Nizam, M. A., & Rosidi, M. H. (2025). Penilaian Semula Konsep Rogol Statutori di Malaysia: Analisis Perbandingan Syariah–Sivil terhadap Kerelaan, Paksaan dan Tanggungjawab Jenayah Remaja: Reassessing Statutory Rape in Malaysia: A Shariah–Civil Comparative Analysis of Consent, Coercion, and Juvenile Criminal Responsibility. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 6(1), 14–28. <https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v6i1.201>



© The Author(s) (2025). Published by Intelligentia Resources. This is an Open Access article distributed under the terms of the [Creative Commons Attribution Non-Commercial License](https://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [Intelligentia Resources](https://intelligentiaresources.com).

### SDG Elements:

Quality Education, Sustainable cities and communities



### ABSTRACT

This study examines the role of consent (*al-riḍāʿ*) and coercion (*al-ikrāh*) as the fundamental criteria for distinguishing between rape and zina under Shariah, and evaluates the extent to which these principles are applied within Malaysian criminal law, particularly in cases involving underage adolescents. Employing a qualitative approach through doctrinal and socio-legal analysis, this study synthesises classical and contemporary fiqh sources, relevant provisions of the Penal Code and selected judicial decisions. The findings indicate that Shariah outlines a more balanced framework of criminal liability by clearly differentiating consensual sexual acts from coercive ones, while assessing responsibility based on *baligh* status, mental capacity, intention, and contextual factors. In contrast, Malaysian law adopts the fixed age of 16 as the absolute determinant of valid consent, leading to disproportionate criminal liability, especially in consensual relationships between two underage adolescents, where underage boys are frequently convicted as statutory rapists, whereas underage girls are automatically treated as victims without consideration of their active role or willingness. The study proposes *taʿzīr*-based sentencing guidelines that emphasise education, rehabilitation, and prevention for adolescents engaged in consensual acts, as well as stricter punishment for genuine perpetrators of rape, in line with the *Maqāsid* of *Hifz al-Nafs* (protection of life/safety) and *Hifz al-ʿIrd* (protection of dignity). Additionally, the study recommends reforming Malaysian law through mechanisms for assessing maturity, differentiating categories of underage sexual offences, and incorporating restorative justice models. In conclusion, aligning Malaysian criminal law with Shariah principles can produce a more just, balanced, and socially responsive legal framework, while strengthening protection for actual victims of sexual violence and ensuring that criminal liability is imposed fairly and proportionately.



## ABSTRAK

Kajian ini meneliti peranan elemen kerelaan (*al-riḍā'*) dan paksaan (*al-ikrāh*) sebagai kriteria asas dalam membezakan antara rogol dan zina menurut perspektif Syariah, serta menilai tahap pengaplikasian prinsip tersebut dalam undang-undang jenayah Malaysia, khususnya dalam kes yang melibatkan remaja bawah umur. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis doktrinal dan sosio-perundangan, kajian ini menghimpunkan sorotan fiqh klasik dan kontemporari, peruntukan Kanun Keseksaan serta keputusan kes terpilih. Hasil kajian mendapati bahawa Syariah menggariskan mekanisme liabiliti jenayah yang lebih seimbang, antaranya dengan membezakan secara jelas antara hubungan sukarela dan perbuatan berbentuk paksaan, serta menilai tanggungjawab berdasarkan tahap baligh, kapasiti akal, niat dan keadaan sekeliling. Sebaliknya, undang-undang Malaysia menetapkan had umur 16 tahun sebagai penentu mutlak kesahihan persetujuan, sekali gus mewujudkan ketidakseimbangan liabiliti jenayah, khususnya dalam kes hubungan sukarela antara dua remaja bawah umur. Keadaan ini menyebabkan remaja lelaki sering ditakrifkan sebagai pesalah rogol statutori, manakala remaja perempuan secara automatik diletakkan dalam kategori mangsa, tanpa mempertimbangkan peranan aktif atau kerelaan mereka dalam hubungan tersebut. Kajian ini mencadangkan agar hukuman bagi remaja yang terlibat secara sukarela diurus melalui konsep *ta'zīr* yang menekankan pendidikan, pemulihan dan pencegahan, manakala hukuman lebih tegas wajar dikenakan terhadap pelaku rogol sebenar selaras dengan *Maqasid Ḥifz al-Nafs* dan *Ḥifz al-'Ird*. Selain itu, kajian turut mencadangkan reformasi undang-undang Malaysia melalui mekanisme penilaian tahap kematangan, pengkategorian semula kes seksual bawah umur, serta pengukuhan pendekatan berasaskan keadilan pemulihan. Kesimpulannya, penjajaran undang-undang jenayah Malaysia dengan prinsip Syariah berpotensi mewujudkan sistem perundangan yang lebih adil, seimbang dan responsif terhadap realiti sosial remaja, di samping mempertingkatkan perlindungan terhadap mangsa rogol sebenar serta memastikan liabiliti jenayah dikenakan dengan lebih saksama.

## Pendahuluan

Masalah sosial merupakan antara aspek kritikal yang sentiasa menjadi tumpuan dalam analisis pembangunan Masyarakat kerana ia berfungsi sebagai indikator utama tahap kestabilan moral dan kesejahteraan sosial sesebuah negara. Fenomena ini mencakupi pelbagai bentuk perilaku yang menyimpang daripada norma Masyarakat termasuk jenayah seksual seperti rogol dan zina, serta jenayah harta benda seperti samun, pecah rumah dan penyelewengan barang kawalan (Bernama, 2025). Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2025), kadar Jenayah Indeks Malaysia pada tahun 2024 menunjukkan peningkatan sebanyak 11.1 peratus, apabila 58,225 kes dilaporkan berbanding 52,444 kes pada tahun 2023. Perkembangan ini menimbulkan kebimbangan serius kerana masyarakat kini semakin kerap berdepan dengan kes-kes jenayah yang meruncing khususnya jenayah rogol. Statistik menunjukkan bahawa kes rogol meningkat sebanyak 12.1 peratus, manakala kategori rogol dengan rela mencatat peningkatan lebih besar iaitu 29.3 peratus, menjadikan isu ini antara pelanggaran moral dan undang-undang yang



semakin membarah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025). Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff, turut memaklumkan fenomena tersebut berpunca daripada faktor keretakan institusi keluarga, kurangnya pengawasan ibu bapa, hubungan cinta bawah umur, kelemahan didikan agama, penyalahgunaan dadah dan pengaruh rakan sebaya (Berita RTM, 2025).

Jenayah rogol merupakan kesalahan berat kerana ia melibatkan pencerobohan terhadap maruah, hak asasi dan integriti fizikal seseorang. Golongan paling terdedah kepada jenayah ini ialah kanak-kanak dan remaja bawah umur yang secara psikologi dan sosial belum mempunyai kemampuan yang setara dengan orang dewasa untuk mengurus risiko dan melindungi diri. Akibatnya, mangsa sering mengalami kesan trauma yang mendalam, termasuk gangguan psikologi yang boleh menghambat perkembangan emosi, sosial dan akademik mereka. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (2025), jenayah rogol melibatkan mangsa berumur 18 tahun dan ke bawah turut meningkat daripada 1,413 kes pada tahun 2023 kepada 1,602 kes pada tahun 2024. Trend peningkatan ini jelas menunjukkan bahawa langkah pencegahan yang lebih komprehensif, penguatkuasaan undang-undang yang berkesan dan pendekatan pemulihan mangsa secara holistik perlu diberi keutamaan bagi menangani isu rogol yang semakin membimbangkan di Malaysia.

Dalam konteks undang-undang Malaysia, Seksyen 375 Kanun Keseksaan (Akta 574) menetapkan bahawa seseorang lelaki dianggap melakukan jenayah rogol sekiranya hubungan seksual berlaku tanpa persetujuan atau dengan persetujuan yang tidak sah di sisi undang-undang, termasuk situasi apabila mangsa berada di bawah umur atau berada dalam keadaan terpaksa. Walau bagaimanapun, timbul persoalan kritikal berhubung sejauh manakah peruntukan ini benar-benar bersifat adil dan proporsional dalam situasi melibatkan elemen kerelaan antara kedua-dua pihak, terutamanya membabitkan hubungan seksual antara remaja bawah umur yang saling bersetuju. Rentetan daripada persoalan ini, kajian ini dilaksanakan untuk menilai semula prinsip, pelaksanaan dan tahap keadilan peruntukan undang-undang sedia ada menerusi kerangka Syariah. Penilaian ini penting bagi memastikan undang-undang berkaitan rogol khususnya melibatkan bawah umur dilaksanakan secara lebih seimbang, melindungi dan tidak menzalimi mana-mana pihak, di samping memastikan ia selari dengan objektif utama Syariah dalam menjaga maruah, keturunan, akal dan keselamatan masyarakat.

## Sorotan Literatur

### *Jenayah Rogol dalam Kerangka Undang-Undang Malaysia*

Jenayah rogol merupakan salah satu kesalahan seksual paling serius dalam sistem perundangan Malaysia, bukan sahaja kerana ia melibatkan pencerobohan terhadap integriti tubuh badan seseorang, tetapi juga kerana kesannya yang mendalam terhadap kesejahteraan emosi, sosial dan spiritual mangsa. Walaupun kecederaan fizikal mungkin dapat dipulihkan, kesan psikologi dan trauma jangka panjang sering menghambat perkembangan mangsa dan menjejaskan kualiti hidup mereka. Dari sudut perundangan, kesalahan rogol terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan dan diperuntukkan secara khusus dalam Kanun Keseksaan (Akta 574), khususnya di bawah Seksyen 375 dan 376.

Seksyen 375 Kanun Keseksaan mentakrifkan rogol sebagai perbuatan seorang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan seorang perempuan dalam keadaan-keadaan tertentu yang menjadikan perbuatan tersebut tidak sah atau tidak dibenarkan oleh undang-undang. Antara keadaan yang digariskan dalam seksyen ini termasuklah persetubuhan yang berlaku tanpa kerelaan atau bertentangan dengan kehendak mangsa. Sekiranya wujud kerelaan, ia tetap



dianggap tidak sah sekiranya kerelaan tersebut diperoleh melalui paksaan, ancaman, ketakutan terhadap kecederaan, atau melalui tipu daya. Seksyen ini juga meliputi keadaan di mana mangsa memberikan kerelaan kerana tersalah anggap bahawa lelaki tersebut ialah suaminya yang sah, atau apabila mangsa tidak memahami maksud dan akibat perbuatan tersebut akibat ketidakmatangan akal, kecacatan intelektual, atau keadaan yang mempengaruhi keupayaan membuat keputusan. Tambahan penting dalam seksyen ini ialah bahawa persetubuhan dengan perempuan di bawah umur 16 tahun tetap dianggap sebagai rogol, tanpa mengira sama ada mangsa memberikan kerelaan ataupun hubungan itu berlaku secara “suka sama suka”. Peruntukan ini mencerminkan prinsip liabiliti ketat (*strict liability*) yang bertujuan melindungi golongan bawah umur yang secara undang-undang dianggap tidak mampu memberikan persetujuan yang sah.

Seterusnya, Seksyen 376 memperincikan hukuman bagi kesalahan rogol. Secara umum, pesalah yang disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan. Walau bagaimanapun, peruntukan ini turut menetapkan hukuman yang lebih berat dalam keadaan-keadaan tertentu. Antaranya termasuklah apabila pelaku menyebabkan kecederaan atau ancaman kecederaan terhadap mangsa, melakukan rogol secara berkumpulan, atau apabila mangsa merupakan seorang yang berumur di bawah 16 atau 12 tahun. Hukuman turut diperberat apabila pelaku menyalahgunakan kedudukan kuasa atau kepercayaan, seperti dalam kes melibatkan majikan, guru, penjaga atau doktor. Selain itu, peningkatan hukuman turut dikenakan dalam situasi di mana mangsa mengandung akibat kejadian, mengalami gangguan mental selepas serangan, atau apabila pelaku mengetahui dirinya menghidap penyakit berjangkit seperti HIV atau AIDS. Dalam keadaan lebih ekstrem, seperti apabila mangsa membunuh diri akibat trauma yang dialami, pelaku boleh dikenakan hukuman yang jauh lebih berat, iaitu penjara antara 10 hingga 30 tahun serta sebatan.

Terdapat juga beberapa kes mahkamah yang berkaitan dengan pelaksanaan hukuman jenayah rogol di Malaysia. Antaranya ialah *Rizal bin Omar lwn Pendakwa Raya* dan *Mohd Aminurdin bin Ahmad lwn Pendakwa Raya*. Dalam kes *Rizal bin Omar*, mangsa yang berumur 14 tahun telah dirogol oleh tertuduh. Mahkamah pada awalnya menjatuhkan hukuman enam tahun penjara dan satu sebatan, namun pihak pendakwa memfailkan rayuan atas alasan hukuman tersebut tidak mencukupi. Mahkamah Rayuan kemudiannya meningkatkan hukuman kepada 15 tahun penjara dan enam sebatan di bawah Seksyen 376(2)(b) Kanun Keseksaan. Mahkamah mengambil kira usia mangsa dan keseriusan perbuatan tersebut. Seterusnya, dalam kes *Mohd Aminurdin bin Ahmad*, tertuduh membuat rayuan terhadap hukuman penjara 10 tahun atas kesalahan di bawah Seksyen 376(2)(d). Isunya ialah sama ada hukuman tersebut berlebihan. Mahkamah bagaimanapun mengekalkan hukuman minimum penjara 10 tahun dan tidak mengenakan sebatan, memandangkan faktor usia tertuduh yang masih muda telah dipertimbangkan oleh hakim sewaktu menjatuhkan hukuman. Keputusan ini menunjukkan bahawa mahkamah mempunyai ketegasan dan budi bicara yang luas tetapi tetap terikat kepada undang-undang dan pertimbangan faktor-faktor relevan sebelum menentukan hukuman yang seadilnya.

Secara keseluruhannya, peruntukan-peruntukan ini menunjukkan bahawa undang-undang Malaysia memberi penekanan terhadap perlindungan mangsa dan pencegahan jenayah rogol melalui liabiliti ketat, hukuman yang progresif, dan mekanisme penalti yang mengambil kira tahap kerentanan mangsa serta tahap keseriusan tindakan pelaku. Walau bagaimanapun, perkembangan statistik semasa dan perbincangan awam menunjukkan bahawa cabaran berkaitan interpretasi kerelaan, umur, beban pembuktian dan keadilan substantif masih memerlukan



penelitian yang lebih mendalam agar undang-undang ini dapat dilaksanakan secara lebih efektif dan saksama.

### *Jenayah Rogol dalam Perspektif Syariah*

Dalam tradisi hukum Islam, rogol diiktiraf sebagai salah satu bentuk pencerobohan seksual paling serius kerana ia melibatkan pencabulan terhadap maruah (*'ird*), kehormatan peribadi dan keselamatan fizikal mangsa. Syariah memandang rogol bukan sekadar kesalahan seksual, tetapi sebagai bentuk kezaliman (*zulm*) dan pencerobohan tubuh badan yang menuntut perlindungan menyeluruh terhadap mangsa serta hukuman tegas ke atas pelaku. Maka itu, Syariah membezakan secara jelas antara hubungan seksual yang berlaku atas dasar kerelaan bersama (*al-zinā al-ikhtiyārī*) dengan hubungan seksual yang dilakukan melalui paksaan (*al-zinā bi al-ikrāh*), kerana kedua-duanya membawa implikasi hukum yang berbeza.

Sumber klasik fiqh memperlihatkan definisi yang konsisten bahawa rogol merupakan “zina yang dilakukan dengan unsur paksaan”. Menurut al-Sharbīnī (2005), rogol ditakrifkan sebagai *al-zinā bi al-ikrāh*, iaitu persetubuhan tanpa kerelaan mangsa. Ibn 'Ābidīn (1991) pula menegaskan bahawa paksaan boleh muncul dalam bentuk ancaman, kekerasan atau keadaan yang menghalang mangsa memberikan persetujuan yang sah. Penekanan fuqaha ini menunjukkan bahawa ketiadaan kerelaan (*riḍā*) ialah elemen asas dalam menentukan bahawa sesuatu perbuatan itu rogol, dan bukannya zina konvensional.

Sarjana moden seperti 'Awdah (2005), Zaydān (2000) dan al-Zuhaylī (2007) memperkukuhkan lagi pandangan klasik dengan menyatakan bahawa mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali sepakat bahawa rogol ialah bentuk paksaan seksual yang diharamkan secara *qat'i*. Pelaku dikenakan hukuman berat melalui mekanisme takzīr apabila syarat hudud tidak dipenuhi, manakala mangsa dikecualikan sepenuhnya daripada tanggungan jenayah. Majoriti fuqaha turut memberikan hak kepada mangsa untuk menuntut pampasan *mahr al-mithl* sebagai bentuk pemulihan (*compensatory redress*) atas pencerobohan yang dialami, menunjukkan keprihatinan Syariah terhadap prinsip keadilan dan penjagaan maruah.

Dalam konteks undang-undang syariah kontemporari, pembuktian rogol memerlukan bukti yang jelas dan kukuh kerana ia merupakan jenayah berat (Mohd Nazir *et al.*, 2025). Kaedah tradisional yang menumpukan kepada kesaksian dan pengakuan kini diperluas dengan penerimaan bukti forensik moden seperti kecederaan fizikal, rekod perubatan, DNA dan laporan psikologi. Hal ini selaras dengan perkembangan metodologi keterangan dan tuntutan keadilan dalam sistem Syariah masa kini. Pembuktian rogol lazimnya melibatkan bukti fizikal dan forensik, seperti kesan kekerasan, koyakan tisu atau kecederaan pada tubuh mangsa. Mangsa rogol juga sering mengalami trauma psikologi yang signifikan, seperti dilaporkan Rahim (1988), termasuk tekanan emosi, ketakutan sosial dan gangguan jangka panjang. Menurut Zulkifli al-Bakri (2024), bukti-bukti moden ini memainkan peranan penting dalam memastikan keadilan ditegakkan, selaras dengan prinsip Syariah yang memandang serius perlindungan terhadap mangsa.

### *Kerelaan dan Paksaan sebagai Kriteria Pembezaan Rogol dan Zina dalam Undang-undang Malaysia dan Syariah*

Dalam perspektif hukum Islam, kerelaan (*al-riḍā*) dan paksaan (*al-ikrāh*) merupakan prinsip asas yang menentukan sama ada sesuatu persetubuhan haram diklasifikasikan sebagai zina atau rogol. Zina ditakrifkan sebagai hubungan seksual antara lelaki dan wanita tanpa akad perkahwinan yang sah, sama ada dengan kerelaan atau tanpa kerelaan (al-Sarkhasī, 1993; Ibn 'Ābidīn, 1992). Al-



Qur'an secara jelas melarang perbuatan zina dan menyifatkannya sebagai perbuatan keji yang merosakkan nasab (al-Isrā': 32). Hadis Nabi SAW turut mengklasifikasikan persetubuhan haram sebagai salah satu dosa besar selepas syirik (Ibn Abī al-Dunyā, *al-Wara'*, Nombor Hadis 137).

Fuqaha klasik seperti Ibn Najīm (1971) dan al-Zayla'ī (1990) memperincikan bahawa zina berlaku apabila hubungan seksual dilakukan atas kehendak dan persetujuan kedua pihak. Kerelaan menjadi unsur kritikal yang meletakkan tanggungjawab moral dan jenayah secara bersama, selaras dengan kaedah fiqh bahawa seseorang hanya memikul liabiliti apabila perbuatan itu dilakukan secara sukarela ('Awdah, 2005; Abdulah, 2019). Sebaliknya, rogol dalam Syariah, yang disebut sebagai *al-ighṭiṣāb* atau *al-ikrāh*, merujuk kepada persetubuhan tanpa kerelaan mangsa melalui paksaan, ancaman atau eksploitasi keadaan (al-Bakri, 2024). Pelaku digelar *al-zānī al-mustakrih*, iaitu penjenayah yang memaksa atau mengugut untuk mendapatkan persetubuhan. Oleh itu, Syariah membezakan secara ketara antara zina yang berlaku secara suka sama suka dan rogol yang berlaku melalui paksaan, kerana kedua-duanya membawa liabiliti hukum yang berbeza.

Kajian moden mengembangkan kefahaman mengenai paksaan seksual melalui dua kategori utama: paksaan fizikal dan manipulasi psikologi (Lyndon *et al.*, 2007; Mitchell & Raghavan, 2019; Mohd Nazir, 2025). Paksaan fizikal melibatkan tindakan kekerasan jelas seperti memukul, menahan atau mengugut dengan senjata. Dalam kes *PP v Hamza bin Beddu* (2010), mahkamah menegaskan bahawa paksaan tidak memerlukan kecederaan nyata dan ketidakanggapan mangsa memberikan persetujuan sudah memadai untuk mengklasifikasikan rogol. Manipulasi psikologi pula meliputi ugutan halus, tekanan emosi, eksploitasi hubungan kebergantungan dan penggunaan alkohol; pendekatan ini diiktiraf dalam kes *Tai Hwee Hiong v Pendakwa Raya* (2010). Kedua-dua bentuk paksaan ini menurut undang-undang sivil dan Syariah, menghilangkan keupayaan mangsa membuat keputusan bebas dan memenuhi ciri rogol.

Namun, apabila dianalisis dalam kerangka undang-undang Malaysia, perbezaan Syariah antara kerelaan dan paksaan tidak diaplikasikan sepenuhnya dalam kes melibatkan remaja bawah umur. Mengikut Akta 574 (2023), sebarang hubungan seksual dengan perempuan bawah 16 tahun dianggap sebagai rogol statutori tanpa memerlukan pembuktian unsur paksaan. Lelaki boleh disabitkan kesalahan walaupun hubungan tersebut berlaku atas dasar kerelaan bersama, atau meskipun kedua-duanya sama-sama bawah umur. Kajian Che Thalbi Md Ismail dan Aspaella A. Rahman (2017) mendapati bahawa majoriti kes rogol yang dilaporkan di Malaysia sebenarnya melibatkan hubungan seksual suka sama suka antara remaja, bukan paksaan seksual sebenar. Fenomena ini menimbulkan cabaran besar kepada tafsiran undang-undang kerana ia mengaburkan sempadan moral, psikologi dan kriminologi antara zina sukarela dan rogol sebenar.

Pendekatan undang-undang ini bertujuan melindungi remaja perempuan daripada eksploitasi seksual; namun ia mencetuskan persoalan keadilan apabila (i) hubungan berlaku secara sukarela, (ii) pelaku lelaki juga bawah umur, atau (iii) remaja perempuan turut menawarkan atau memulakan hubungan tersebut. Ini menimbulkan ketidakseimbangan dalam liabiliti jenayah kerana undang-undang menganggap remaja perempuan sebagai mangsa mutlak walaupun terlibat secara aktif, sedangkan lelaki bawah umur tetap dipertanggungjawabkan sepenuhnya. Keadaan ini berbeza daripada prinsip Syariah yang menegaskan bahawa liabiliti jenayah bergantung kepada *niat, kerelaan, keupayaan bertindak, dan tahap tanggungjawab moral individu*, bukan semata-mata berdasarkan jantina atau umur semata-mata (Mohd Nazir *et al.*, 2025).

Perbandingan ini memperlihatkan bahawa Syariah mempunyai kerangka analisis yang lebih bernuansa serta berteraskan prinsip dalam membezakan antara rogol dan zina, khususnya melalui penilaian terhadap unsur kerelaan dan paksaan. Sebaliknya, undang-undang Malaysia



dalam kes melibatkan individu bawah umur memberikan keutamaan kepada pendekatan perlindungan berasaskan prinsip keterbatasan kapasiti persetujuan mengikut umur, sehingga menafikan sama sekali sebarang pertimbangan mengenai kerelaan sebagai faktor yang sah di sisi undang-undang. Perbezaan asas ini membuka ruang kepada perbahasan akademik yang lebih mendalam berhubung aspek keadilan, tahap tanggungjawab moral, serta keperluan reformasi undang-undang agar lebih selaras dengan realiti sosial semasa dan konsisten dengan prinsip keadilan yang diketengahkan oleh Syariah.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan pendekatan doktrinal dan sosio-perundangan bagi menilai peranan kerelaan (*al-riḍā*) dan paksaan (*al-ikrāh*) dalam pembezaan rogol dan zina menurut Syariah serta bagaimana prinsip tersebut diaplikasikan dalam undang-undang Malaysia, khususnya melibatkan remaja perempuan bawah umur. Analisis doktrinal dilaksanakan melalui penelitian sumber primer Syariah seperti al-Qur'an, al-Sunnah dan karya fiqh klasik, serta tulisan sarjana moden seperti. Melalui kaedah *tahlil fiqhī* dan *istinbāt*, prinsip kerelaan dan paksaan dihuraikan untuk menentukan liabiliti jenayah serta pembahagian tanggungjawab antara pelaku dan mangsa.

Bagi dimensi undang-undang Malaysia, kajian meneliti peruntukan Kanun Keseksaan (Akta 574) tentang rogol dan rogol statutori serta penghakiman penting seperti *PP v Hamza bin Beddu* dan *Tai Hwee Hiong v Pendakwa Raya* bagi memahami tafsiran mahkamah terhadap unsur paksaan fizikal dan psikologi. Pendekatan ini disokong oleh analisis sosio-perundangan menggunakan kajian empirikal seperti Che Thalbi Md Ismail dan Aspalella A. Rahman (2017) berkaitan corak kes "suka sama suka" dalam kalangan remaja, serta literatur psikologi dan kriminologi (Lyndon *et al.*, 2025) bagi mengenal pasti bentuk paksaan dan implikasi trauma mangsa.

Analisis data dilakukan melalui tiga komponen: (i) analisis doktrinal Syariah bagi memahami asas liabiliti berdasarkan kerelaan dan paksaan, (ii) analisis perbandingan antara Syariah dan undang-undang Malaysia bagi menilai sejauh mana kerangka undang-undang negara mengambil kira elemen kerelaan dalam kes bawah umur, dan (iii) analisis normatif-Maqāṣidi untuk menilai keselarasan undang-undang dengan Maqasid al-Syariah seperti *ḥifz al-nafs*, *ḥifz al-nasl*, dan *ḥifz al-'ird*.

## Dapatan dan Perbincangan

### *Analisis Perbandingan Prinsip Kerelaan–Paksaan dalam Penentuan Rogol dan Zina*

Isu pembezaan antara rogol dan zina berdasarkan unsur kerelaan (*al-riḍā*) dan paksaan (*al-ikrāh*) memperlihatkan percanggahan ketara antara kerangka hukum Syariah dan undang-undang jenayah Malaysia. Dalam Syariah, kedua-dua elemen tersebut berfungsi sebagai asas normatif utama yang menentukan bentuk jenayah, beban liabiliti, dan hukuman yang perlu dikenakan. Namun, dalam sistem perundangan Malaysia terutamanya dalam kes melibatkan remaja perempuan bawah umur, peranan kerelaan dihapuskan sepenuhnya, menyebabkan kesukaran dalam membezakan antara paksaan seksual yang sebenar dan hubungan suka sama suka dalam kalangan remaja. Percanggahan prinsip ini bukan sahaja mempunyai implikasi terhadap keadilan prosedural, tetapi juga mengundang perdebatan mengenai keselarasan antara undang-undang negara dengan nilai moral dan prinsip keadilan Syariah.



Dalam kerangka Syariah, paksaan menjadi faktor penentu mutlak bagi membezakan antara zina dan rogol. Sekiranya berlaku paksaan, pelaku sahaja yang memikul liabiliti sebagai *al-zānī al-mustakrih*, manakala mangsa dikecualikan sepenuhnya daripada sebarang hukuman. Syariah bukan sekadar mengiktiraf paksaan fizikal, tetapi turut menerima paksaan psikologi dan eksploitasi keadaan sebagai asas pengecualian. Ini disokong oleh penelitian fuqaha seperti Ibn 'Ābidīn (1991) dan al-Sharbīnī (2005) yang menegaskan bahawa apa jua bentuk tekanan yang menafikan kemampuan membuat keputusan bebas dianggap paksaan. Pendekatan Syariah ini bersifat komprehensif dan realistik kerana ia menekankan perlindungan maruah (*hifz al-'ird*), keselamatan (*hifz al-nafs*), serta menolak kezaliman kepada mangsa. Di samping itu, Syariah juga mengekalkan tanggungjawab kedua-dua pihak dalam kes zina suka sama suka, selaras dengan prinsip liabiliti berdasarkan kehendak dan tindakan moral individu.

Sebaliknya, undang-undang Malaysia mengaplikasikan pendekatan yang jauh lebih kategorikal melalui konsep rogol statutori. Mana-mana hubungan seksual dengan perempuan bawah umur 16 tahun dianggap sebagai rogol tanpa mengambil kira sama ada terdapat paksaan atau persetujuan. Prinsip umur dijadikan kayu ukur tunggal keupayaan memberi persetujuan. Pendekatan ini mempunyai rasional perlindungan, khususnya terhadap eksploitasi seksual oleh orang dewasa. Namun, dalam praktiknya, ia menimbulkan ketidaksamaan apabila kes melibatkan dua remaja bawah umur, atau apabila mangsa perempuan turut menjadi pihak yang aktif atau memberikan kerelaan. Kajian Che Thalbi Md Ismail dan Aspalella A. Rahman (2017) menegaskan bahawa sebahagian besar kes rogol di Malaysia sebenarnya adalah kes suka sama suka, yang kemudiannya dikategorikan sebagai rogol hanya kerana faktor umur. Hal ini menyebabkan remaja lelaki boleh disabitkan kesalahan yang berat walaupun hubungan berlaku atas dasar kerelaan bersama, manakala remaja perempuan diletakkan sebagai mangsa mutlak tanpa sebarang pertimbangan terhadap tindakan atau peranan mereka.

Perbezaan ini mencetuskan persoalan keadilan substantif. Syariah menilai liabiliti berdasarkan niat, kehendak dan kemampuan bertindak, bukan semata-mata jantina atau umur. Oleh itu, apabila undang-undang Malaysia menghukum seorang remaja lelaki walaupun dia juga tidak matang dan sama-sama rela, ia dilihat bertentangan dengan prinsip *al-musāwah fi al-taklif* (kesaksamaan dalam tanggungjawab moral). Implikasi ini lebih jelas apabila remaja perempuan terlibat secara aktif, sama ada memulakan hubungan, memberikan persetujuan atau bahkan menawarkan perkhidmatan seksual. Dalam kerangka Syariah, tindakan sedemikian tetap dikira pelanggaran moral dan syarie, dan tidak meletakkan mereka semata-mata sebagai mangsa. Namun, undang-undang Malaysia memposisikan mereka sebagai mangsa automatik, walaupun tanpa wujud sebarang paksaan. Ini mewujudkan ketidakseimbangan liabiliti jenayah, sekali gus membuka ruang kepada penyalahgunaan undang-undang serta ketidakadilan terhadap remaja lelaki bawah umur.

Tambahan pula, pendekatan perundangan yang tidak membezakan antara paksaan sebenar dengan kerelaan dalam kes bawah umur berpotensi mengaburkan statistik kes rogol sebenar. Disebabkan laporan remaja perempuan atau ibu bapa secara automatik membawa kepada pertuduhan rogol, data rogol menjadi tidak representatif dan menyukarkan pembentukan dasar yang tepat. Dalam konteks ini, pendekatan Syariah yang membezakan antara rogol dan zina berdasarkan kerelaan memberikan gambaran lebih terperinci dan sejajar dengan prinsip keadilan sosial, di samping tetap melindungi golongan rentan melalui penerimaan paksaan psikologi dan situasi eksploitasi.



Isu ini juga mengundang perbincangan lebih luas berkaitan Maqasid al-Syariah. Perlindungan terhadap maruah dan keturunan (*hifz al-'ird* dan *hifz al-nasl*) menuntut agar undang-undang menjaga remaja perempuan daripada eksploitasi, tetapi pada masa yang sama menuntut keadilan dan pertanggungjawaban setara dalam hubungan suka sama suka. Pendekatan yang terlalu melindungi satu pihak dan menghukum pihak lain tanpa mempertimbangkan elemen kerelaan tidak memenuhi kehendak keadilan maqasid secara menyeluruh. Justeru, analisis perundangan menunjukkan bahawa undang-undang Malaysia perlu menilai semula kebergantungan mutlak kepada faktor umur dan menimbang pendekatan yang lebih berlapis, termasuk penilaian terhadap kerelaan sebenar, perbezaan tahap kematangan dan kecenderungan eksploitasi dalam setiap kes.

Perbezaan antara Syariah dan undang-undang Malaysia dalam menilai kerelaan dan paksaan memperlihatkan keperluan harmonisasi yang lebih seimbang. Syariah menyediakan rangka kerja konseptual yang lebih terperinci dan adil dalam membezakan rogol dan zina berdasarkan elemen moral dan kehendak individu. Sebaliknya, undang-undang Malaysia, walaupun bermatlamat melindungi remaja perempuan, berisiko mewujudkan ketidakadilan dalam kes hubungan suka sama suka melibatkan pelaku lelaki bawah umur. Perbincangan ini menegaskan kepentingan reformasi dan penghalusan undang-undang agar lebih konsisten dengan prinsip keadilan, keseimbangan liabiliti, dan perlindungan menyeluruh selaras dengan Maqasid al-Syariah.

### ***Isu Umur dan Ketidakadilan Liabiliti Jenayah dalam Kes Melibatkan Pelaku dan Mangsa Bawah Umur***

Salah satu isu paling kritikal dalam perbandingan antara Syariah dan undang-undang rogol statutori Malaysia ialah pendekatan terhadap umur dan kemampuan memberi persetujuan (*consent*). Undang-undang Malaysia secara tegas menetapkan bahawa mana-mana individu perempuan di bawah umur 16 tahun tidak dianggap berkeupayaan untuk memberikan persetujuan sah terhadap sebarang hubungan seksual. Oleh itu, meskipun hubungan berlaku secara sukarela, lelaki boleh disabitkan kesalahan rogol statutori tanpa perlu dibuktikan wujud paksaan atau eksploitasi. Pendekatan ini meletakkan remaja perempuan sebagai “mangsa automatik”, manakala remaja lelaki walaupun sama-sama bawah umur, tidak matang, atau bahkan dipengaruhi oleh rakan Perempuan tetap dipertanggungjawabkan sepenuhnya. Keadaan ini menimbulkan persoalan keadilan kerana ia menghapuskan pertimbangan terhadap kerelaan sebenar dan peranan aktif yang mungkin dimainkan oleh remaja perempuan dalam hubungan tersebut.

Sebaliknya dalam Syariah, penentuan tanggungjawab jenayah tidak hanya bergantung kepada umur kronologi, tetapi kepada pencapaian tahap baligh, yang membawa implikasi *ahliyyah al-wujub* dan *ahliyyah al-adā'* (Zaidan, 2006). Seseorang dikira baligh dan memikul tanggungjawab agama serta liabiliti jenayah apabila mencapai tanda-tanda baligh seperti haid, mimpi basah atau keluarnya air mani. Menurut al-Bakri (2022), perempuan lazimnya mencapai baligh sekitar umur 9 hingga 12 tahun, manakala lelaki sekitar 12 hingga 15 tahun. Para ulama seperti Imam al-Nawawi (1991) menetapkan bahawa keluarnya mani pada usia sembilan tahun sekalipun telah dikira sebagai tanda baligh yang sah.

Dengan demikian, menurut Syariah, seorang perempuan berusia 13–15 tahun lazimnya telah mencapai baligh, *mumayyiz*, malah berstatus mukallaf iaitu individu yang memikul tanggungjawab hukum dan moral sepenuhnya. Ini bermaksud bahawa dari perspektif Syariah, seorang remaja perempuan yang telah baligh dianggap mampu membuat keputusan dan



bertanggungjawab terhadap perbuatannya, termasuk dalam konteks hubungan seksual. Oleh itu, apabila hubungan seksual berlaku secara kerelaan bersama antara seorang remaja lelaki dan perempuan yang kedua-duanya telah baligh, Syariah menilainya sebagai zina suka sama suka, bukan rogol. Kedua-dua pihak menanggung liabiliti moral dan hukum yang sama, selaras dengan prinsip *al-musāwah fi al-taklif* (kesamarataan dalam tanggungjawab) dan *al-jazā' min jins al-'amal* (pembalasan berdasarkan tindakan sendiri).

Namun, undang-undang Malaysia tidak membezakan keadaan ini. Remaja lelaki boleh dihukum sebagai pesalah seks walaupun:

1. Hubungan berlaku secara rela,
2. Remaja perempuan yang terlibat telah baligh menurut syariah,
3. Remaja perempuan turut memulakan atau mempengaruhi hubungan tersebut, atau
4. Kedua-duanya sama-sama bawah umur dan tidak mempunyai beza kematangan mental dan seksual yang ketara.

Keadaan ini menimbulkan ketidakseimbangan liabiliti jenayah, kerana undang-undang negara tidak menilai kemampuan persetujuan berdasarkan baligh atau kematangan, tetapi berdasarkan umur tetap yang rigid. Hal ini bertentangan dengan prinsip Syariah yang menekankan bahawa seseorang yang telah baligh bertanggungjawab terhadap perbuatannya dan tidak boleh diperlakukan sebagai mangsa mutlak hanya berdasarkan faktor jantina atau umur takwim. Pendekatan undang-undang Malaysia yang terlalu melindungi remaja perempuan sehingga menghapuskan akauntabiliti mereka berisiko menghasilkan ketidakadilan terutamanya apabila remaja perempuan sendiri berperanan aktif dalam kejadian tersebut.

Lebih menarik lagi, dalam banyak keadaan, remaja perempuan mencapai baligh lebih awal daripada remaja lelaki dan lebih awal mencapai kematangan seksual menurut tradisi fiqh, namun undang-undang Malaysia memperlakukan mereka sebagai tidak matang sehingga umur 16 tahun. Ini mencipta jurang besar antara realiti biologi, prinsip Syariah dan pendekatan undang-undang. Jika Syariah menilai kemampuan memberi persetujuan berdasarkan baligh dan kematangan sebenar, undang-undang Malaysia menilainya berdasarkan had umur yang seragam, tanpa mengambil kira perbezaan individu atau keadaan.

Oleh itu, dalam konteks hubungan suka sama suka antara dua remaja yang telah baligh, Syariah menilai kedua-duanya sebagai pelaku zina, bukan mangsa dan pesalah secara tidak seimbang. Pendekatan ini lebih konsisten dengan prinsip keadilan dan moral, berbeza dengan undang-undang Malaysia yang meletakkan tanggungjawab penuh di atas lelaki walaupun perempuan lebih dahulu baligh, lebih matang dan mungkin memulakan hubungan tersebut. Ketidaksamaan ini membawa implikasi serius kepada keadilan sistemik, statistik jenayah, penggubalan dasar dan persepsi awam terhadap rogol dan zina.

### ***Cadangan Hukuman dan Reformasi Undang-undang Malaysia Selari Prinsip Syariah***

Penentuan hukuman dalam kes zina dan rogol menurut Syariah berpaksikan prinsip asas taklif, iaitu kesempurnaan baligh dan akal sebagai syarat kelayakan memikul tanggungjawab jenayah. Dalam fiqh jinayah, seseorang hanya dianggap layak disabitkan kesalahan apabila dia mencapai tahap baligh serta memiliki kapasiti mental yang mencukupi (*al-'aql al-salīm*), bertepatan dengan sabda Nabi SAW bahawa pena taklif diangkat daripada kanak-kanak sehingga bermimpi, orang tidur sehingga bangun dan orang gila sehingga kembali waras (Riwayat Abu Dāwūd, no. 4403). Berdasarkan prinsip ini, lelaki dewasa yang melakukan zina atau rogol terhadap perempuan bawah umur disabitkan kesalahan penuh, manakala lelaki dewasa kategori OKU



mental tidak memikul tanggungjawab jenayah kerana kekurangan kapasiti akal menggugurkan elemen kesedaran (*qaṣd*) dalam jenayah (Ibn Qudāmah, 1997; Hasan & Abdullah, 2020).

Syariah turut membezakan antara lelaki bawah umur yang telah baligh dan yang belum baligh. Lelaki yang telah baligh walaupun masih bawah umur menurut undang-undang moden boleh disabitkan kesalahan, manakala lelaki belum baligh atau yang mengalami kecacatan mental tidak menanggung apa-apa tanggungjawab jenayah kerana ketiadaan syarat *idrak* (kesedaran) dan *ikhtiyar* (pilihan bebas). Walau bagaimanapun, bagi kes yang melibatkan lelaki OKU mental atau lelaki belum baligh yang melakukan rogol, prinsip keadilan Islam tetap menuntut wujudnya pertanggungjawaban sosial melalui hukuman takzīr berbentuk rawatan tingkah laku, pengawasan, dan pampasan melalui keluarga pelaku, selaras dengan Maqasid al-Syariah yang memelihara maruah, akal dan keturunan.

Dalam kes zina suka sama suka melibatkan wanita bawah umur tetapi telah baligh, Syariah menetapkan bahawa mereka juga boleh disabitkan kesalahan zina kerana status baligh menjadikan mereka mukallaf dan bertanggungjawab secara moral terhadap perbuatan sendiri. Namun, hukuman adalah berbentuk takzīr yang menekankan aspek pendidikan, pemulihan dan akhlak. Sebaliknya, dalam kes rogol sebenar, wanita bawah umur tidak dipertanggungjawabkan kerana unsur kerelaan tidak wujud, dan paksaan menggugurkan elemen niat (*qaṣd*) dalam fiqh (al-Māwardi, 1994; al-Zuhayli, 1997). Bagi wanita yang belum baligh atau berkeupayaan mental terhad, mereka tidak memikul liabiliti dalam kedua-dua kes kerana tidak memenuhi syarat taklīf. Hal ini dapat diringkaskan melalui jadual berikut:

**Jadual 1:** Kategori Sabitan Kesalahan Zina atau Rogol Bagi Lelaki

Kategori Lelaki	Kes Rela (Zina)	Kes Paksa (Rogol)
I. Lelaki Dewasa	Sabit Kesalahan	Sabit Kesalahan
II. Lelaki Dewasa (OKU Mental)	Tidak Sabit	Tidak Sabit
III. Lelaki Bawah Umur (Sudah Baligh)	Sabit	Sabit
IV. Lelaki Bawah Umur (Belum Baligh)	Tidak Sabit	Tidak Sabit
V. Lelaki Bawah Umur (OKU Mental)	Tidak Sabit	Tidak Sabit

**Jadual 2:** Kategori Sabitan Kesalahan Zina atau Rogol Bagi Wanita

Kategori Wanita	Kes Rela (Zina)	Kes Paksa (Rogol)
I. Wanita Bawah Umur (Baligh)	Perlu Disabitkan	Tidak Sabit
II. Wanita Bawah Umur (Belum Baligh)	Tidak Sabit	Tidak Sabit
III. Wanita Bawah Umur (OKU)	Tidak Sabit	Tidak Sabit

Jadual ini menunjukkan bahawa Syariah memiliki struktur pertanggungjawaban yang lebih terperinci dan adil kerana menilai setiap kes berdasarkan baligh, kapasiti akal, niat, kerelaan dan situasi, bukan semata-mata berdasarkan umur atau jantina seperti yang diamalkan dalam undang-undang Malaysia.

Dalam konteks undang-undang Malaysia, prinsip-prinsip ini mendesak kepada reformasi perundangan yang lebih selari dengan keadilan Syariah (Norizan Nizan *et al.*, 2025). Undang-undang Malaysia menetapkan umur 16 tahun sebagai had persetujuan seksual tanpa mengambil kira realiti baligh atau tahap kematangan psikologi remaja. Akibatnya, remaja lelaki sering dihukum sebagai pesalah seks walaupun hubungan berlaku secara rela antara dua pihak, atau walaupun remaja perempuan memulakan atau mempengaruhi hubungan tersebut. Keadaan ini



bercanggah dengan prinsip *al-musāwah fī al-taklīf* yang menuntut tanggungjawab moral dipikul secara setara oleh individu yang telah baligh dan berkeupayaan membuat keputusan.

Reformasi undang-undang wajar mempertimbangkan mekanisme penilaian kematangan (*maturity assessment mechanism*) yang membolehkan mahkamah menilai tahap baligh sebenar, kesedaran moral dan kapasiti intelektual pelaku, bukan semata-mata berpandukan umur kronologi. Selain itu, undang-undang perlu membezakan secara jelas antara rogol sebenar yang melibatkan paksaan (fizikal atau psikologi), dengan zina suka sama suka melibatkan remaja. Perbezaan ini selaras dengan Syariah yang mengiktiraf elemen kerelaan sebagai asas pemisah antara kedua-dua kategori jenayah tersebut.

Bagi kes suka sama suka antara dua remaja bawah umur, undang-undang Malaysia sewajarnya mengutamakan keadilan pemulihan berbanding hukuman keras. Pendekatan ta'zīr dalam Syariah menekankan pendidikan, pemulihan dan pengawasan moral, sesuai dengan tahap psikologi remaja yang masih berkembang. Dalam masa yang sama, hukuman terhadap pelaku rogol sebenar perlu diperkukuh melalui hukuman penjara panjang, sebatan, pendaftaran pesalah seksual, dan rawatan psikologi mandatori, sejajar dengan Maqasid al-Syariah dalam melindungi maruah (*hifz al-'ird*) dan nyawa (*hifz al-nafs*).

Akhirnya, undang-undang Malaysia perlu memperkenalkan peruntukan khusus bagi kes hubungan suka sama suka antara dua remaja bawah umur, agar tidak disamakan dengan rogol statutori yang berasaskan paksaan. Reformasi seperti ini akan memastikan undang-undang negara selari dengan prinsip keadilan Syariah yang menilai hukuman berdasarkan niat, kerelaan, keadaan serta keupayaan bertindak, sekaligus menghasilkan sistem perundangan yang lebih adil, seimbang dan berpaksikan perlindungan terhadap semua pihak yang terlibat

## Kesimpulan

Kajian ini menggariskan bahawa perbezaan asas antara rogol dan zina dalam Syariah bertumpu secara langsung kepada elemen kerelaan (*al-riḍā'*) dan paksaan (*al-ikrāh*), yang menjadi kriteria utama dalam menentukan bentuk jenayah dan tanggungjawab pelaku. Syariah menyediakan kerangka yang sistematik, seimbang dan berhierarki dalam menilai liabiliti jenayah menurut status baligh, kapasiti akal, niat (*qaṣd*), serta tahap kerelaan pihak terlibat. Melalui pendekatan ini, Syariah memastikan bahawa mangsa rogol dilindungi sepenuhnya tanpa dipertanggungjawabkan, manakala pelaku zina suka sama suka—sekiranya telah baligh dan berkeupayaan mental memikul tanggungjawab secara bersama, selaras dengan prinsip *al-musāwah fī al-taklīf* dan *al-jazā' min jins al-'amal*. Jadual sabitan yang dibentangkan dalam kajian ini menunjukkan bahawa Syariah sangat terperinci dalam membezakan antara individu berdasarkan faktor umur, baligh dan kapasiti mental, sekali gus menghasilkan pertanggungjawaban jenayah yang adil dan bersesuaian dengan keadaan setiap pelaku.

Sebaliknya, undang-undang Malaysia, khususnya melalui konsep rogol statutori, mengambil pendekatan yang lebih kategorikal dengan meletakkan had umur 16 tahun sebagai penentu mutlak kemampuan memberi persetujuan, tanpa mengambil kira realiti baligh, kematangan seksual dan kapasiti kognitif individu. Akibatnya, banyak kes hubungan suka sama suka antara remaja dihukum sebagai rogol, menyebabkan ketidakseimbangan liabiliti jenayah di mana remaja lelaki sering dihukum sementara remaja perempuan diletakkan sebagai mangsa automatik walaupun hubungan berlaku secara rela atau dipengaruhi pihak perempuan. Keadaan ini bukan sahaja menghasilkan implikasi keadilan yang serius, tetapi juga bercanggah dengan maqasid Syariah yang menuntut keseimbangan antara perlindungan mangsa, pendidikan moral dan tanggungjawab individu yang telah baligh.



Kajian ini juga mendapati bahawa reformasi undang-undang Malaysia perlu dilakukan melalui penjaran yang lebih rapat dengan prinsip-prinsip keadilan Syariah. Reformasi utama yang dicadangkan termasuklah (i) mempertimbangkan mekanisme penilaian kematangan serta baligh dalam menentukan kesahan persetujuan; (ii) membezakan secara jelas antara rogol sebenar yang melibatkan paksaan dan zina suka sama suka dalam kalangan remaja; (iii) menghapuskan liabiliti berat yang tidak seimbang terhadap remaja lelaki bawah umur; (iv) memperkenalkan model keadilan restoratif bagi kes-kes dua pihak suka sama suka; dan (v) memperketat hukuman terhadap pelaku rogol sebenar selaras dengan maqasid *hifz al-nafs* dan *hifz al-'ird*.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa Maqasid al-Syariah menyediakan asas teori yang mantap dan fleksibel untuk menangani isu rogol dan zina secara lebih adil, berperikemanusiaan dan kontekstual. Apabila prinsip Syariah khususnya elemen kerelaan-paksaan, baligh, kapasiti akal dan Maqasid al-Syariah digabungkan dengan pendekatan perundangan moden, ia dapat menghasilkan kerangka undang-undang yang lebih seimbang, lebih mendidik, dan lebih melindungi masyarakat. Oleh itu, pembaharuan undang-undang Malaysia yang berpandukan prinsip-prinsip fiqh dan Maqasid al-Syariah bukan sahaja berpotensi meningkatkan keadilan substantif, malah memastikan sistem perundangan lebih responsif terhadap realiti sosial dan kerentanan remaja masa kini.

## Rujukan

- 'Awdah, Abdul Qadir (2005). *Al-Tashri' al-Jina'i al-Islami, Muqaranan bi al-Qanun al-Wud'ie*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Abdulah, N. A., & Shah@Haneef, S. S. (2019). Elemen Kerelaan Dan Penetapan Had Umur Remaja Perempuan Dalam Undang-Undang Rogol Statutori Di Malaysia: Analisis Dari Perspektif Syariah: Consent Issue And Determination Of Girls Age In Malaysia Statutory Rape Law: An Analysis From Shariah Perspective. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 13(2), 61–69.
- Ahmad Fauwaz Fadzil. (2025). Rogol Suka Sama Suka: Islah Perundangan Demi Memelihara Keadilan Dan Maqasid Syariah. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Ahmad, S. (2023). The Role of Ta'zir Punishment in Juvenile Rehabilitation under Islamic Criminal Law. *International Review of Islamic Law and Ethics*, 12(1), 88–101.
- Al-Mawardi. A. H. (1994). *Al-Aḥkam al-Sultāniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Muhyiddin Yahya bin Sharaf (1990). *Sharh Muslim*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr Al-Arabi.
- Al-Nawawi, Muhyiddin Yahya bin Sharaf (2005). *Minhaj al-Tolibin wa Umdah al-Muftin*. Beirut, Lubnan: Dar al-Minhaj.
- Al-Qarāfi, A. (1998). *Al-Furūq*. Beirut: Dār al-Kutub al'Ilmiyyah.
- Al-Sarkhasi, Muhammad bin Ahmad bin Abi Sahl Al-Shams (1993). *Al-Mabsut*. Beirut, Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- al-Suyuti, J. (1990). *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dār al-Kutub al'Ilmiyyah.
- Al-Zaila'ie, Uthman bin Ali bin Mahjan (1990). *Tabyin al-Haqaiq Sharh Kanz al-Daqaiq*. Cairo, Egypt: Dar al-Kutub al-Islami.
- al-Zuhayli, W. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah (2007). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Dimasq, Syria: Dar al-Fikr.
- Berita RTM. (2025). "90% kes rogol di Kelantan libat remaja bawah umur, atas dasar rela." 9 April <https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/90-kes-rogol-di->



- [kelantan-libat-remaja-bawah-umur-atas-dasar-rela?utm\\_source=chatgpt.com](https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2479548) Diakses: 8 November 2025.
- Bernama. (2025). "Jenayah Indeks Malaysia 2024 meningkat 11.1 peratus, didorong kes harta benda dan kekerasan." *BERNAMA*, 16 Oktober. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2479548> Diakses: 8 November 2025
- Che Thalbi Md. Ismail, & Aspalella A. Rahman. (2014). Statutory Rape Law in Malaysia: The Issue of Consent. *Current Law Journal (CLJ)*, 1(LNS (A) lxxv), 1–15.
- Hasan, M., & Abdullah, N. (2020). Legal Capacity and Accountability in Islamic Criminal Law: A Theoretical and Comparative Analysis. *Journal of Shariah and Law Studies*, 7(1),44–60.
- Hashim, N., & Rahman, F. A. (2022). Juvenile Justice in Islamic Law: A Maqasid al-Shariah Perspective. *Journal of Islamic Studies and Law*, 9(2), 55–73.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Ali Muhammad al-Husni. (1992). *Radd al-Mukhtar a'lam al-Dar al-Mukhtar*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Ibn Najim, Z. I. M. 1971. *Al-Bahr Al-Ra'iq Sharh Kanz Al-Daqaiq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Ibn Qudamah, A. (1997). *Al-Mughni*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ismut, M. A. H. (2021). *Hukum mengeluarkan air mani dengan sengaja dikira sebagai baligh*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (16 Oktober 2025). *Statistik jenayah 2025*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kamali, M. H. (2019). *Shariah Law: An Introduction*. Oxford: Oneworld Publications.
- Kanun Keseksaan (Akta 574) 1997.
- Kementerian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait. (1983). *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyah Al-Kuwaitiyah* (Jil. 8, hlm. 188).
- Lyndon, A. E., White, J. W., & Kadlec, K. M. (2007). Manipulation and force as sexual coercion tactics: Conceptual and empirical differences. *Aggressive Behavior: Official Journal of the International Society for Research on Aggression*, 33(4), 291-303.
- Majlis Agama Islam Selangor. (2015). *Hudud: Satu penjelasan*. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- Mitchell, J. E., & Raghavan, C. (2021). The impact of coercive control on use of specific sexual coercion tactics. *Violence against women*, 27(2), 187-206.
- Mohd Aminurdin bin Ahmad v Public Prosecutor* (2017) MLJU 2024
- Mohd Nazir, M. A., Hishammudin, A. I., Muhamad Syazwan, M. D. I., Ahmad Shafrin, A. A., & Rosidi, M. H. (2025). Statutory rape and juvenile male offenders: A Maqasid al-Shariah analysis of rights and legal status in the Malaysian legal system. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 2735–2744.
- Muhammad Fathi Yusof. 2015. "Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Hukuman Hudud ke Atas Pesalah Zina." In: (Editor, Farahwahida Mohd Yusof) *Maqasid Syariah & Sains*, UTM Press. pp. 41-64
- NorizanNizan, M. N. I., Mohd Shaiful Nizam, M. A., Rosli, A. I. A., Rosli, A. I. A., & Rosidi, M. H. (2025). USIM's legal clinic and divorce casework: A Maqasid al-Shariah-based socio-legal study. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 1232–1241.
- Nur Aina Abdulah dan Nur Al-Farhain Kamaruzaman. (2022). Kekeliruan Antara Jenayah Zina Dan Rogol Statutori Di Malaysia: Keperluan Kepada Penjelasan: The Confusion between Crimes of Zina and Statutory Rape in Malaysia: The Needs for Clarification. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 152-161.
- Public Prosecutor v Hamza bin Beddu*. (2010). MLJU 1598.
- Rizal bin Omar v Pendakwa Raya*. (2010). MLJU 975.



Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2022). Penerimaan Fatwa Dalam Kalangan Masyarakat Muslim Malaysia: Kajian Empirikal: Fatwa Acceptance Among Malaysian Muslim Community: An Empirical Study. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 59–81.

*Tai Hwee Hiong v Pendakwa Raya*. (2009). MLJU 235.

*Tai Hwee Hiong v Pendakwa Raya*. (2010). 8 MLJ 860.

Wajis, N. R. N. (1998). Jenayah rogol di dalam undang-undang Islam. *Jurnal Syariah*, 6, 73-80.

Zaidan, Abdul Karim. (2000). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar`ah wa al-Bait al-Muslim*. Beirut, Lubnan: Resalah Publisher.

Zulkifli Al-Bakri. (2022). *Umur baligh*. Maktabah Al-Bakri.

\* Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on AL-MAQASID Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. AL-MAQASID Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.